

UMNO mesti diselamatkan daripada perosak | Regenerasi UMNO

UM 18 MAR 2001



ISU
MINGGU INI

Oleh ABDULLAH AHMAD

UMNO mesti melakukan regenerasi yakni memberi nafas, kekuatan dan kehidupan baru kepada pertubuhan itu yang telah menyelamatkan Islam, bangsa Melayu dan bahasa Melayu Tanpa ada agenda kesinambungan keturunan, masa depan UMNO tidak meyakinkan

KALAU ahli UMNO prihatin kepada politik baru yang real (*new political realism*) mereka harus menghadapi keadaan dengan jujur dan berani. Jangan berdalih. Seperti kata Inggeris *let not beat about the bush*. UMNO bermasalah ada problem. Kalau ini diterima UMNO akan teru mara ke depan. Ini adalah satu fenomena ia bukan itu perkara yang unik kepada UMNO ia melibatkan semua parti politik - Parti Kongres di India, Golkar di Indonesia, Liberal Demokrat di Jepun, Konservatif di Britain, Institutional Revolutionary Party di Mexico dan Parti Demokrat di Amerika Syarikat.

Sekarang ini hanya satu parti pemerintah yang terkecuali daripada gejala itu iaitu Parti Tindakan Rakyat (PAP/Peter) di Singapura.

Kenapa Peter terkuat? Kerana parti itu realis dan para pemimpinnya sedar bahawa rakyat dan pengundi berubah dan akan terus berpindah pendapat dan minda. Maka pengiduan cita-cita dan cita-hati ibu bapa penulis berlainan daripada penulis begitu juga anak penulis yang kini berkeji. Persepsi sikap dan tanggapan mereka terhadap politik dan kehidupan tidak serupa dan apabila anak mereka berkeji pendapat mereka juga akan berbeza dengan ibu bapa mereka.

Anak dan cucu penulis daripada generasi berlainan maka sikap dan reaksi mereka juga lazimnya bercorak semasa dengan zaman mereka.

Kehidupan bukan statik. Era dan kehidupan beredar dan kita akan teraklak dan terpengaruh dengan kejadian di luar kuasa kita seperti lenyapnya komunis di Soviet Union. Kalau komunisme tidak maut keadaan di dunia kini amat berbeza.

Amerika Syarikat tidak akan teguh dan angkuh sebagai kuasa terbesar terunggul - *superpower* - dan keadaan ini di Palestin dan negara-negara Arab juga tidak teruk-ekarang dan sudah tentu lebih bernasib baik daripada kebangkitan perjuangan nasionalisme Palestin dan Arab.

UMNO kini sibuk memilih ketua-ketua bahagian dan ahli jawatankuasa bahagian. Mendengar cerita cara dan taktik yang digunakan bagi mengekalkan jawatan sesetengahnya memang terang dan jelas (ada bukti) melanggar undang-undang tubuh dan perlembagaan UMNO serta peraturan meyuarat.

Tenuli sedih dan risau tentang masa depan UMNO. Kalau pilih caranya mereka bertindak. Semua dihalalkan untuk mereka menang walaupun di negeri-negeri yang UMNO tiada harapan untuk memerintah dalam satu jajakam yang panjang.

Masa ini UMNO yang mahu Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri berundur kerana sudah lama memimpin - tetapi mengundi Dr Mahathir telah membangunkan negara ini hingga ke tahap sekarang dan ada pula di antaranya nafas politik mereka telah diselamatkan oleh Dr Mahathir bimbang tiga empat orang daripada mereka telah dimartabatkan oleh Dr Mahathir daripada kosong - kini lupa mereka juga telah lama jadi ketua bahagian ada sehingga lebih 30 tahun tanpa menabur jasa pun kepada bahagian dan kawasan Parlimen mereka.

Mereka tidak budi bahasa dan hati perut. Kalau Dr

Mahathir tidak diterima oleh majoriti rakyat BN telah kalah dalam pilihan raya umum lepas. Dr Mahathir menang tetapi mereka yang mahu Dr Mahathir berundur kalah teruk dalam pilihan raya umum. Mereka amat nyata telah ditolak oleh rakyat tetapi kenapa tidak berhenti menjadi Ketua UMNO di kawasan?

Sebenarnya majoriti rakyat di setengah kawasan memilih parti lain kerana jujuk dengan pemimpin UMNO berkenaan mereka tidak jujuk dengan UMNO tetapi mereka marah kepada UMNO yang melindungi jenayah-jenayah siasah itu.

Selagi UMNO memelihara dan melindungi manusia UMNO seperti itu selagi itulah UMNO tidak akan berpeluang kembali memerintah di Kelantan atau kalau tidak kena bicara akan hanyut di beberapa negeri lagi pada tahun 2004 sungguhpun penulis amat yakin BN akan terus memerintah.

Soal besar kecil majoriti kita lihat keadaan politik domestik, situasi ekonomi dan siasah wilayah dan antara bangsa yang di luar kuasa kita tetapi ia ada impak besar kepada kita.

Kebenaran di depan mata

UMNO mesti melakukan regenerasi yakni memberi nafas, kekuatan dan kehidupan baru kepada pertubuhan itu yang telah menyelamatkan Islam, bangsa Melayu dan bahasa Melayu. Tanpa ada agenda kesinambungan keturunan masa depan UMNO tidak meyakinkan. Ahli-ahli UMNO mesti berani melihat kepada kebenaran di depan mata. UMNO mesti diselamatkan daripada mereka yang merosakkan parti teragung ini.

Di peringkat cawangan dan bahagian, kecelakaan dan keburukan mereka amat terserlah. Kalau ahli-ahli UMNO tidak membawa reformasi dalaman di peringkat akar umbi rakyat akan melakukannya. Penulis yakin kepada kemungkinan itu dan pada masa itu kelak musim bagi UMNO mengubah tingkah laku dan perangai buruk sudah terlewat.

Adalah perkara biasa satu fitrah dan satu proses semula jadi kita mesti berubah bertukar. Kita bukan Allah Subhanahu Wataala yang sedia ada dan wujud selama lamanya. Tanpa peralihan yang sewajarnya - yang dilihat sebagai serius dan jujur - segala usaha bagi mengaburi mata rakyat akan terkandas. Rakyat kini telah cerdik dan celik.

Kekuatan dan keunggulan PAP di Singapura antara

sebabnya ialah kerana regenerasi yang tersusun dan diurus dengan tegas berani tanpa takut kasihan dan belas

Malaysia tidak terkecuali bahkan ke hadapan dalam revolusi K ekonomi Adakah ahli UMNO bangsa Melayu bumiputera bahkan negara ini benar benar bersungguh menyediakan kita ke alam K ekonomi? Penulis tidak yakin memandangkan dasar pendidikan negara yang dilaksanakan sekarang Mata pelajarannya tidak seimbang

Penulis bersetuju dengan komen Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang disokong oleh Menteri Pendidikan kita Tan Sri Musa Mohamad bahawa sistem pendidikan Malaysia tidak mengukuhkan perpaduan kaum Biarlah penulis berterus terang sebenarnya dasar pelajaran kita sekarang adalah sebaliknya

Mereka yang pendek akal dan visi cepat melenting Itu kerja mereka Hanya melenting dan membuat reaksi kepada pendapat orang lain tetapi tiada fikiran dan idea tersendiri atau *original*

Kalau difikirkan sedalam dalamnya apa yang dikatakan oleh Lee Kuan Yew dan Musa amat benar Memanglah kebenaran itu pahit tetapi Lee Kuan Yew dan Musa tidak takut makan pil pahit

Lee Kuan Yew dalam ucapannya kepada wakil masyarakat Melayu Islam Singapura pada 2 Mac lalu telah berkata

Integration is a two way process The government would like our Malays to be an integral part of our society but can not force them

Our Malays will decide the kind of relationship they want with non Malays If Malays in Singapore show that they prefer to be separate the other communities will pick up these signals and react accordingly

As the majority race the Chinese have to show a willingness to expand the common ground by including other races

This has happened in education Chinese Singaporeans send their children to national schools that teach in English no longer to Chinese medium schools

We are an exceptional country where the language of the majority is not the medium of instruction in schools

Lebih kurang Lee Kuan Yew berkata Melayu Singapura mesti memilih (pemerintah tidak boleh paksa) sama ada mereka mahu integrasi atau hidup berasingan Kalau Melayu Singapura mahu hidup terpisah komuniti bukan Melayu akan mendapat isyaratnya dan akan melakukan reaksi yang sewajar

Integrasi adalah satu proses dua hala yang mesti berlaku dan bergerak dua arah beroperasi dalam dua hala Cina bangsa majoriti di Singapura harus (telah) menunjukkan kesediaan bagi memperluaskan medan bersama atau *common ground* bagi bersama bangsa lain

Ini telah berlaku di sana di mana keluarga Cina tidak lagi menghantar anak mereka ke sekolah aliran Cina sebaliknya ke sekolah di mana bahasa Inggeris bahasa pengantarnya

Sesungguhnya Singapura adalah sebuah negara yang luar biasa di mana bahasa ibunda rakyat majoriti bukan bahasa pengantar sistem persekolahannya

Pendapat dan sistem Singapura telah dan sedang mengukuhkan perpaduan kaum di pulau itu Di negara negara ASEAN lain kaum minoriti makin berani dan nyaring menuntut hak perkauman Sama ada mereka menerima dasar yang telah ditetapkan oleh majoriti bak kata Lee Kuan Yew kita harus *react accordingly* kalau mereka terus mahu hidup terpisah

UMNO akan terus kekal memerintah Parti itu akan terus segar dan diterima rakyat andainya ia tegas berani bertindak tanpa takut bagi membawa reformasi dalaman yang mesti dilaksanakan di negara ini

Itulah sahaja jalan UMNO dan Malaysia boleh menghadapi cabaran yang mendatang Satu tanda bahawa kita mesti berubah ialah musim dan minda rakyat rakyat sudah maju ke muka lebih deras lajunya dan kita perlu mengakunya

UMNO mesti bertindak berani hatta ternampak kejam bagi mengatasi masalah masalah negara dan parti Tanpa keberanian itu jangan terperanjat jika kedua duanya akan ditelan masa yang hari demi hari menghampirinya

Itulah pilihan di depan UMNO Terus seperti biasa atau berubah